

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**
[POKOK SENA]

TARIKH : **16 MAC 2017**

SOALAN : **Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Wisma Putra untuk membersihkan nama Malaysia daripada tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh majalah luar negara seperti The Time Magazine, The Economist dan International Website Foreignpolicy.com yang menyenaraikan Malaysia sebagai negara terburuk mengamal rasuah. Apakah tindakan undang-undang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa prihatin dalam memelihara imej baik negara daripada dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani tohmahan yang dilemparkan ke atas Negara.

3. Dalam konteks tuduhan yang dibuat oleh media-media asing termasuk laman berita asing seperti menyenaraikan Malaysia sebagai negara terburuk mengamal rasuah, dua bentuk tindakan diambil iaitu tindakan serta-merta, dan perancangan jangka panjang bagi menanganinya. Tindakan serta-merta yang diambil termasuklah menyemak bahan-bahan penerbitan tersebut dan memperbetulkan fakta-fakta yang seringkali diputarbelitkan sehingga memberi gambaran atau tanggapan palsu.

4. Seterusnya, pihak Kementerian dengan kerjasama Perwakilan-Perwakilan Malaysia yang terlibat akan merangka satu jawapan balas bagi menangkis tohmahan tersebut serta memanjangkannya kepada media yang sama untuk menerbitkannya, bagi memperbetulkan kesilapan yang dibuat.

5. Selain daripada itu, Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara juga akan mengadakan pertemuan dengan pengarang-pengarang media berkenaan bagi menjelaskan keadaan sebenar dan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani gejala rasuah.

6. Dalam konteks usaha jangka panjang, pelbagai aktiviti telah digariskan untuk mengatasi persepsi buruk mengenai Malaysia. Semua Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara telah diarah untuk menjalin dan mengujudkan hubungan mesra dengan pihak media serta menjemput wakil-wakilnya menyertai dalam aktiviti-aktiviti anjuran Perwakilan.

7. Melalui interaksi dan hubungan mesra ini, wakil-wakil media antarabangsa ini akan sekurang-kurangnya menyemak dengan Perwakilan Malaysia di luar negara sebelum menyiarkan/menerbitkan rencana negatif mengenai Malaysia. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk memberi gambaran sebenar mengenai usaha Kerajaan Malaysia dalam memerangi gejala rasuah, antara lainnya.

8. Dalam interaksi Perwakilan dengan pihak media, kejayaan-kejayaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membawa kes-kes rasuah ke muka pengadilan turut diketengahkan supaya dapat digunakan dalam siaran-siaran akhbar yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.